

TAHAP PENGETAHUAN DAN KETERSEDIAAN KOMUNITI SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KESAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 DI KAMPUNG KASUAPAN, PULAU GAYA, SABAH

KNOWLEDGE LEVEL AND PREPAREDNESS OF COMMUNITY TOWARDS MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) DURING COVID-19 PANDEMIC AT KAMPUNG KASUAPAN, GAYA ISLAND IN SABAH

Jabil Mapjabil¹, Nor-Ina Kanyo², Abentin Estim³, Rosazman Hussin⁴, Datu Razali Datu Eranza⁵, Abdul Hamid Abdul Rahim⁶, Badariah Ab Rahman⁷, Natasya Farhana Nazry⁸ & Mohd. Halipah Jetendra⁹

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel : jabil@ums.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: norina@ums.edu.my)

³Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: bentin@ums.edu.my)

⁴Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: azzs@ums.edu.my)

⁵Fakulti Peniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: drde@ums.edu.my)

⁶Jabatan Perancangan, Penyelidikan & Inovasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah
(E-mel: mid1160@yahoo.com)

⁷Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel: badariah_abrahman@ums.edu.my)

⁸Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel : natasyafarhana2803@gmail.com)

⁹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel : mohdhalipah@gmail.com)

Article history

Received date : 19-11-2020

Revised date : 20-11-2020

Accepted date : 15-12-2020

Published date : 16-12-2020

To cite this document:

Jabil Mapjabil, Nor-Ina Kanyo, Abentin Estim, Rosazman Hussin, Datu Razali Datu Eranza, Abdul Hamid Abdul Rahim, Badariah Ab Rahman, Natasya Farhana Nazry & Mohd. Halipah Jetendra (2020). Tahap pengetahuan dan ketersediaan komuniti semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik COVID-19 Di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya, Sabah. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3 (14), 33 - 51.

Abstrak: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020 kesan penularan pandemik COVID-19 memberikan kesan yang mendalam terutamanya komuniti pulau di negeri Sabah. Persoalannya, pelaksanaan PKP adalah suatu pengalaman yang baharu dalam kalangan komuniti pulau. Sehingga ke hari ini, tiada rekod dokumentasi dan penyelidikan dalam sains soial mengenainya pula masih kurang dan terhad. Untuk itu, kajian ini meneliti tentang tahap pengetahuan dan ketersediaan komuniti pulau

semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif, iaitu suatu usaha untuk mengeksplorasi respon kumpulan komuniti berkenaan dan sekali gus menilai sama ada mereka tahu, peka dan bersedia untuk menghadapi pandemik ini. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kes iaitu di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya di Kota Kinabalu, Sabah dengan penekanan terhadap deskripsi tentang fenomena dan tingkah laku. Kajian ini melibatkan seramai 71 orang responden yang mewakili 4.73% daripada keseluruhan populasi penduduk di kampung berkenaan. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden berkenaan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merekodkan nilai paling tinggi iaitu sebanyak 98.6 peratus (70 orang). Tahap ketersediaan responden pula umumnya adalah tinggi terutamanya langkah menghadkan aktiviti sosial dengan komuniti pulau dan bersedia untuk duduk di rumah semasa pelaksanaan PKP dengan masing-masing mencatatkan skor min 4.32 yang mewakili tahap 'sangat tinggi'. Hasil kajian ini bermanfaat untuk perancangan dalam pengurusan risiko dalam menangani pandemik di Sabah khususnya dan Malaysia keseluruhannya.

Kata Kunci: *Pengetahuan, Ketersediaan, Komuniti Pulau, Perintah Kawalan Pergerakan, Pandemik COVID-19*

Abstract: *The implementation of the Movement Control Order (PKP) in Malaysia which started on 18 March 2020 in effect of the COVID-19 pandemic spread had a profound effect, especially on the island community in Sabah. The problem is the implementation of control movement order (MCO) is a new experience among the island community. To date, no social sciences documentation and research which is still lacking and limited. To that end, this study examines the knowledge level and preparedness of island community during the movement control order in facing the COVID-19 pandemic. This study uses exploratory and evaluative approach, which is an effort to explore the response of community group and thus assess whether they know, aware and prepared to face the pandemic. The research design used is a case study at Kampung Kasuapan, Gaya Island in Kota Kinabalu, Sabah with emphasis on descriptions of phenomena and behavior. This study involved a total of 71 respondents representing 4.73% of the total population of the village. The results showed that knowledge level of the respondents regarding COVID-19 and the movement control order (MCO) recorded the highest value of 98.6% (70 people). The preparedness level of respondents is generally high, especially the measure of limiting social activities with the island community and ready to stay at home during the implementation of MCO with each recorded a mean score of 4.32 which represents a level of 'very high'. The results of this study are useful for planning in risk management in dealing with pandemic in Sabah in particular and Malaysia as a whole.*

Keywords: *Knowledge level, preparedness, island community, control movement order, COVID-19 pandemic*

Pengenalan

Pandemik ialah epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia menyeberangi kawasan luas, bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak di seluruh dunia. Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia (World Health Organization, 2020). Di Malaysia, perkembangan awal bagi perebakan virus COVID-19 bermula pada 23 Januari 2020 lalu. Namun begitu, penularan penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) di negeri Sabah telah dikesan pada 12 Mac 2020 yang melibatkan seorang lelaki dari Tawau yang merupakan salah satu peserta dalam perhimpunan di Sri Petaling di Kuala Lumpur (Shah et al., 2020). Pada 13 April 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengesahkan bahawa sebanyak 5,007 ujian telah dilakukan dengan penemuan bahawa satu perempat daripada kes koronavirus di Kota Kinabalu adalah kes sporadik (Malaysia, 2020).

Kebanyakan negara Asia Tenggara melaksanakan perintah kuarantin dan darurat bagi mencegah penularan COVID-19. Di Malaysia, berikutan kesan peningkatan kes jangkitan yang mendadak di seluruh negara, pihak kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini telah dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Shah et al., 2020). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac sehingga 4 Mei 2020 yang disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 4 Mei sehingga 9 Jun. Pada masa ini, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan bermula pada 10 Jun hingga 31 Disember 2020.

Perintah ini mengakibatkan penutupan dan sekatan sepenuhnya terhadap hampir semua aktiviti masyarakat di seluruh Malaysia. Menurut The Star (2020), penularan wabak COVID-19 ini adalah yang paling buruk berlaku kepada manusia sejak Perang Dunia Ke-II. Dalam menangani penularan wabak COVID-19 ini, kerajaan di seluruh dunia terpaksa mengambil tindakan drastik dengan menutup sekolah, pelancongan dan urusan perniagaan berskala kecil, sederhana dan besar. Pengalaman berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang sehingga melebihi 24 minggu memberikan impak yang mendalam terhadap komuniti setempat. Malah, sehingga pertengahan November 2020, pelaksanaan PKP termasuk PKPB dan PKPP telah berlangsung selama lapan bulan. Kewujudan novel coronavirus (COVID-19) telah memaksa dunia melihat semula norma baharu dalam kehidupan (Harifah et al., 2020).

Konsep Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelaksanaannya di Malaysia

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merujuk kepada perintah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 (Perintah PPPB) yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta PPPB 1988). Perintah Kawalan Pergerakan pertama kerajaan Malaysia merangkumi sekatan pergerakan dan perhimpunan di seluruh negara, sekatan perjalanan sepenuhnya untuk semua rakyat Malaysia yang pergi keluar negara, sekatan pelawat asing dan pelancong ke Malaysia, penutupan semua tadika, sekolah awam dan swasta, penutupan semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dalam perkhidmatan penting (Pejabat Perdana Menteri, 2020). Kaedah sekatan pergerakan adalah dilihat sebagai suatu pendekatan yang terbaik untuk mengawal dan mengurangkan penyebaran rangkaian wabak berjangkit seperti

pandemik COVID-19 (Chinazzi et al., 2020; Wilder-Smith & Freedman, 2020). Sepanjang pelaksanaan PKP bagi fasa pertama dikuatkuasakan, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan sekatan jalan raya di seluruh negara untuk memastikan dan memberi amaran kepada rakyat Malaysia agar terus berada di rumah dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan (Ruwaida, 2020). Mulai 22 Mac 2020, pasukan tentera Malaysia telah digerakkan untuk membantu PDRM bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha membendung penularan COVID-19 (Bernama, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah kesinambungan daripada empat fasa PKP sebelumnya yang bermula dari 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPB bagi memberi kelonggaran kepada kebanyakan aktiviti yang tidak dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP. Namun, begitu kelonggaran yang diberikan oleh pihak kerajaan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh beroperasi. Dalam tempoh PKPB ini, terdapat dua fasa telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu fasa kelima yang bermula daripada 4 Mei 2020 sehingga 12 Mei 2020 dan fasa yang keenam yang bermula dari 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Kegiatan yang dilarang semasa PKPB adalah seperti aktiviti hiburan, riadah, rekreasi, keagamaan, budaya, perayaan dan perniagaan yang boleh menyebabkan kepada perkumpulan besar serta aktiviti di kawasan tempat tinggal pekerja dan asrama pekerja yang boleh mengundang kepada perhimpunan orang ramai serta pemasangan dan penyelenggaraan aktiviti mesin seperti lif dan eskalator atau menara kren di tapak pembinaan yang boleh mengundang kepada perhimpunan besar (Ida, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Terdapat dua fasa yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu fasa ketujuh yang bermula pada 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020 dan fasa kelapan yang bermula pada 1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020. Selama tempoh pelaksanaan PKPP fasa ketujuh, lebih banyak larangan yang dilaksanakan sebelum ini telah dilonggarkan untuk membolehkan orang ramai menjalankan aktiviti harian mereka seperti operasi perniagaan, aktiviti riadah, sukan dan aktiviti rekreasi, pembukaan sekolah secara berperingkat, salon rambut, pasar terbuka serta perayaan Hari Raya Aidiladha dan aktiviti qurban dengan syarat mematuhi SOP yang ditetapkan (Adib Povera & Dawn Chan, 2020). Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPP Fasa kelapan dengan memberikan kelonggaran yang lebih banyak terutama kepada industri perniagaan seperti sektor pertanian dan komoditi tanaman, pusat membeli-belah, gerai, perniagaan kecil, restoran, penggambaran dan produksi, pengangkutan awam dan persendirian, serta gimnasium. Perniagaan yang melibatkan kehadiran pelanggan di premis perniagaan hendaklah mematuhi SOP dengan mengambil suhu badan dan maklumat berkaitan sebelum memasuki premis serta melakukan sanitasi sekurang-kurangnya tiga kali dalam sehari (Emmanuel Santa, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokasi tertentu yang dikenakan perintah kawalan ketat. Sejak 27 Mac 2020, terdapat empat lokasi yang diletakkan di bawah PKPD bermula dengan Simpang Renggam, Hulu Langat, Menara City One dan Malayan Mansion. Semasa tempoh pelaksanaan ini, semua penduduk di kawasan yang terlibat tidak dibenarkan keluar atau memasuki lokasi berkenaan serta semua perniagaan dan kilang di kawasan dilarang adalah tidak dibenarkan beroperasi. Selain itu, semasa tempoh PKPD ini dijalankan, semua laluan utama keluar dan masuk ditutup sepenuhnya, pengesanan pesakit COVID-19 dilakukan di setiap rumah oleh pegawai kesihatan

dan makanan yang dibawa dari luar akan ditempatkan di kawasan lobi atau kawasan khas untuk penghantaran makanan sebelum diedarkan kepada individu serta penempatan pihak berkuasa tempatan seperti anggota RELA, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan kumpulan perubatan di kawasan yang terlibat (Soo, 2020).

Jadual 1: Fasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia

Kategori	Fasa	Tempoh Pelaksanaan
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Fasa 1	18 Mac - 31 Mac 2020
	Fasa 2	1 April - 14 April 2020
	Fasa 3	15 April - 28 April 2020
	Fasa 4	29 April - 12 Mei 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	Fasa 5	13 Mei - 9 Jun 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Pemulihan (PKPP)	Fasa 7	10 Jun - 31 Ogos 2020
	Fasa 8	1 September - 31 Disember 2020
Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)	Penguatkuasaan hanya terpakai di lokasi tertentu disebabkan pengesanan kluster dengan jumlah yang banyak berkuat kuasa pada 27 Mac 2020. Contohnya di Simpang Renggam dan Hulu Langat.	

Sorotan Literatur Tentang Kajian COVID-19 Di Malaysia

Pada akhir tahun 2019, sejenis virus iaitu Novel coronavirus SARS-CoV-2 telah menyebabkan penularan wabak baharu yang dikenali sebagai *coronavirus disease-2019* (dan kemudiannya dikenali sebagai COVID-19) yang telah merebak secara pesat di seluruh dunia. Pada 11 Mac 2020, wabak COVID-19 telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik (Jabil et al., 2020). Pandemik COVID-19 ini telah melanda Malaysia dengan kes pertama direkodkan adalah pada 11 Mac 2020 (Arumugam, 2020) manakala kes pertama di Sabah telah direkodkan di Tawau pada 12 Mac 2020 (Alen Kee, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 apabila kerajaan Malaysia secara rasminya melaksanakan langkah PKP (Warta Kerajaan, 2020). Gaim et al. (2020) menegaskan bahawa pelaksanaan dasar dan program oleh pihak kerajaan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKPP dan PKPD) terhadap masyarakat di Malaysia sememangnya penting dalam membendung penularan COVID-19 daripada terus merebak dalam kalangan masyarakat. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Badariah et al. (2020) yang menjelaskan bahawa PKP membantu dalam mengurangkan kadar peningkatan wabak COVID-19 iaitu dengan cara rakyat perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha kerajaan dalam membendung penularan wabak ini jelas menunjukkan bahawa keprihatinan kerajaan dalam memastikan kehidupan rakyat sentiasa terjamin dengan memberi pelbagai bantuan seperti kewangan, barang keperluan, makanan, perkhidmatan dan sebagainya.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memaklumkan untuk mengambil tindakan terhadap individu yang tidak mematuhi langkah kawalan dan boleh dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan. Bagi menegakkan pelaksanaan dasar kerajaan ini, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan warta kerajaan persekutuan pada 18 Mac 2020 khusus bagi perintah kawalan pergerakan dengan menetapkan hukuman sehingga satu ribu ringgit (RM1,000) dan penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya bagi sesiapa yang melanggar peraturan perintah (Azyyati, 2020).

Nor-Ina et al. (2020) telah menjalankan suatu kajian tinjauan tentang strategi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia yang bertujuan untuk mengenal pasti segala bentuk langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia dalam menghadapi wabak COVID-19. Dalam kajian ini ada dijelaskan tentang peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Fokus kajian ini adalah berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut fasa iaitu daripada fasa pertama hingga fasa ketujuh. Sepanjang PKP dijalankan masih terdapat tangkapan terhadap beberapa individu yang melanggar arahan PKP hingga menyebabkan kerajaan mengeluarkan arahan bagi mengenakan tindakan yang lebih tegas pada fasa ketiga PKP.

Impak kesihatan yang lain kesan penularan sesuatu pandemik seperti COVID-19 adalah kemurungan dan trauma. Peningkatan kes kematian yang dicatatkan semakin meningkat mengakibatkan penurunan motivasi diri dalam kalangan individu untuk bersemuka dengan orang luar. Kesan ini turut disebabkan oleh faktor keraguan individu untuk berkomunikasi dan lebih mementingkan kesihatan diri. Selain itu, penduduk turut terkesan dalam masalah pengambilan ubat-ubatan dan rawatan susulan di klinik atau pusat kesihatan. Hal ini disebabkan perintah berkurung yang dilaksanakan menyebabkan sumber pendapatan terjejas. Ini mempengaruhi kesihatan mental kerana didorong oleh tekanan dan kegelisahan disebabkan faktor pekerjaan dan kesunyian. Yang paling dikhuatiri adalah sekiranya keadaan ini berterusan tanpa satu langkah yang berkesan boleh menyebabkan masalah sakit jiwa dan mencederakan diri (Eikhwan & Mahirah, 2020).

Di Malaysia, penularan wabak pandemik ini menjejaskan bukan sahaja terhadap aspek kesihatan bahkan turut memberikan impak dalam aspek lain termasuk ekonomi, sosial dan kesejahteraan hidup. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan dalam menilai kesan wabak pandemik COVID-19 terhadap aspek tersebut. Menurut Mohd Azizan dan Zaimah (2020), seramai 77% daripada responden kajian mengakui kesukaran untuk berkerja dari rumah. Kesukaran yang berlaku disebabkan oleh cabaran dari aspek keterbatasan akses internet, isu komunikasi dengan rakan sekerja, gangguan daripada anak-anak dan kurangnya tumpuan yang khusus disebabkan berkerja di luar kawasan pejabat. Ini menyebabkan terdapat dari kalangan mereka yang kurang produktif dengan kerja yang diarahkan.

Tinjauan literatur oleh Siti Aidah et al. (2020) tentang kesan yang dihadapi oleh usahawan kraf tradisional skala kecil dalam pelancongan domestik sepanjang tempoh PKP bersetuju bahawa meskipun penularan wabak COVID-19 masih baharu, namun perancangan dan persediaan yang lebih proaktif bagi menghadapi wabak dalam industri pelancongan wajar diberikan tumpuan. Usaha untuk meyakinkan semula masyarakat tentang keselamatan daripada ancaman wabak COVID-19 amat perlu kerana aspek kebimbangan pelancong terhadap isu jaminan dan keselamatan di destinasi pelancongan merupakan cabaran utama dalam memulihkan sektor pelancongan domestik.

Bukan itu sahaja, apabila menyentuh bidang perniagaan dan keusahawanan, peniaga kecil merupakan salah satu kumpulan yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19, lebih-lebih lagi apabila PKP dilaksanakan. Hujah ini disokong oleh Azman (2020) yang menegaskan di Malaysia, sektor perniagaan kecil adalah salah satu sektor yang paling terkesan secara langsung disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan. Kajian yang dilakukan oleh Siti Masayu Rosliah dan Fatimah (2020) mendapati berikutan tindakan arahan penutupan bagi sektor sokongan seperti peruncitan dan pengangkutan menyebabkan kebanyakan peniaga kecil tidak dapat beroperasi dan sekali gus menyebabkan mereka hilang punca pendapatan. Hasil tinjauan menunjukkan rata-rata responden menjalankan perniagaan secara digital malah sewaktu berdepan dengan krisis COVID-19, responden memanfaatkan sepenuhnya aplikasi penggunaan teknologi maklumat (ICT) melalui norma baharu perniagaan yang dilaksanakan. Selain itu, hasil kajian turut mendapati responden telah bersedia sepenuhnya dengan pelbagai strategi perniagaan bagi mengharungi perniagaan era pasca COVID-19.

Seterusnya, penganjuran aktiviti sosial sepanjang tempoh pandemik COVID-19 terpaksa ditangguh dan dibatalkan serta-merta terutamanya pada awal fasa pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dahulu. Ia bertujuan untuk memutuskan rangkaian penularan virus COVID-19 di negara ini. Untuk itu, aktiviti sosial seperti majlis perkahwinan dan kenduri-kendara terpaksa ditangguhkan manakala pengebumian dan majlis tahlil pula hanya melibatkan ahli keluarga terdekat dan solat Jumaat tidak dibenarkan. Seterusnya, aktiviti rekreasi seperti permainan bola tampar dan futsal serta penganjuran gotong-royong turut tidak dibenarkan. Aktiviti sosial yang dihentikan dalam tempoh PKP menyebabkan suasana persekitaran pulau agak lengang (Jabil et al., 2020).

Metodologi dan Kawasan Kajian


Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif. Hal ini sejajar dengan isu penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan pengalaman baharu bagi penduduk di Malaysia. Pelaksanaan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini bermula pada 18 Mac 2020 dan berlarutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember. Dalam tempoh ini, tidak banyak kajian dilakukan dalam bidang sains sosial dan fasa penyelidikan adalah sedang berlangsung pada hari ini. Justeru, kajian terhadap tahap pengetahuan dan ketersediaan komuniti pulau ini adalah suatu usaha untuk mengeksplorasi respon kumpulan komuniti berkenaan dan sekali gus menilai sama ada mereka peka, sedar dan bersedia untuk menghadapi pandemik ini.

Secara umumnya, pendekatan eksplorasi merupakan tahap awal untuk sesuatu penelitian atau kajian selanjutnya yang lebih sistematik. Penelitian eksplorasi adalah untuk mengetahui tentang sesuatu fenomena baharu yang mungkin belum ada pada penyelidikan yang dilakukan sebelumnya (Bambang, 2018). Ini menyentuh aspek asas dalam sesuatu perkara. Evaluatif pula mengarah kepada sifat terhadap sesuatu kegiatan. Evaluatif adalah untuk mengukur keberhasilan suatu program, produk atau kegiatan pembelajaran. Manakala, penilaian evaluatif dalam konteks pembelajaran merupakan satu bentuk atau prosedur dalam mengumpul dan menganalisis data secara sistematik untuk menentukan manfaat daripada sesuatu penyelidikan (Sukamadinata, 2009). Menurut Sri Kantun (2017), evaluatif dilakukan untuk mengambil keputusan dengan membandingkan data atau maklumat yang dikumpulkan terhadap kriteria, standard, atau pemboleh ubah yang digunakan sebagai kayu ukur bagi data yang diperolehi. Berdasarkan penjelasan tersebut dapat disimpulkan bahawa eksplorasi dan evaluatif merupakan suatu prosedur ilmiah yang sistematik yang digunakan secara bersama untuk mengukur hasil

kajian seperti yang direncanakan dengan cara mengumpul, menganalisis dan mengkaji serta seterusnya merumuskan hasilnya dengan lebih terperinci dan tepat.

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kes iaitu di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya di Kota Kinabalu, Sabah dengan penekanan terhadap deskripsi tentang fenomena dan tingkah laku. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mengukur fenomena yang dikaji secara objektif untuk menghasilkan data numerikal (Othman, 2013). Kajian ini melibatkan seramai 71 orang responden yang mewakili 5.92% daripada 1,200 orang penduduk di kampung berkenaan. Pengumpulan data melalui pengedaran borang soal selidik dijalankan pada hari dan waktu yang berbeza dalam satu tempoh masa yang ditetapkan bagi mendapatkan ketepatan dan kesahihan terhadap data yang dikumpul. Cara ini memberikan peluang kepada pengkaji untuk meneroka maklumat dengan mendalam. Kajian tahap pengetahuan dan aspek ketersediaan penduduk ini dijalankan pada 10 hingga 13 September 2020.

Pulau Gaya terletak berdekatan dengan bandaraya Kota Kinabalu. Keluasan pulau ini adalah 1,465 hektar dan dihuni oleh lebih 10,000 orang. Pengangkutan utama ke pulau ini adalah bot penambang (Foto 1). Perjalanan menggunakan bot ini mengambil masa sekitar 10 minit sahaja. Majoriti penduduk pulau bekerja sebagai nelayan, bekerja sendiri (sektor tak formal) dan pelbagai sektor perkhidmatan (pasar, restoran, supermarket dan sebagainya) di Kota Kinabalu. Terdapat lima buah kampung di pulau ini, iaitu Kampung Kasuapan (Pasir Putih), Kampung Pulau Gaya, Kampung Pondo, Kampung Lok Urai dan Kampung Lok Malom (Rajah 1). Antara kemudahan asas yang terdapat di sini ini adalah bekalan elektrik, balai raya, masjid, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, jambatan awam, gelanggang sepak takraw dan bola tampar, padang bola sepak dan tanah perkuburan (Harhamsah, 2020). Rajah 1 menunjukkan kedudukan Kampung Kasuapan di Pulau Gaya.



Rajah 1: Kedudukan Kampung Kasuapan di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah



Foto 1 : Penggunaan Bot Penambang oleh Penduduk Pulau Gaya ke Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil kajian tentang penelitian terhadap tahap pengetahuan dan ketersediaan komuniti pulau semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam menghadapi penularan pandemik COVID-19 di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya.

Profil Demografik Responden

Jadual 2 menunjukkan majoriti penduduk yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki iaitu sebanyak 63 peratus (45 orang). Daripada segi umur, responden paling ramai adalah dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 30 peratus (21 orang). Status perkahwinan menunjukkan bahawa responden berstatus berkahwin lebih ramai berbanding bujang, duda, janda atau balu iaitu sebanyak 84 peratus (60 orang). Responden berbangsa Bajau Ubian mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 93 peratus (66 orang). Seterusnya, responden yang tidak memiliki pendidikan formal mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 31 peratus yang diwakili oleh 22 orang. Majoriti responden yang dikaji merupakan nelayan iaitu sebanyak 35 peratus atau 25 orang. Secara perbandingan, pendapatan bulanan responden adalah dalam lingkungan RM501 hingga RM1,000 yang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 35 peratus (25 orang). Manakala, bilangan isi rumah bagi kebanyakan responden adalah seramai empat hingga enam orang yang diwakili oleh 38 peratus (27 orang).

Jadual 2: Profil Demografik Responden

Ciri Demografik	Kriteria	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	45	63
	Perempuan	26	34
Umur	20 tahun & ke bawah	5	7
	21 - 30 tahun	16	22
	31 - 40 tahun	15	21
	41 - 50 tahun	21	30
	50 tahun & ke atas	14	20
Status Perkahwinan	Bujang	9	13
	Berkahwin	60	84
	Duda/Janda/Balu	2	3
Bangsa	Bajau Ubian	66	93
	Bajau Sama	1	1
	Suluk	2	3
	Lain-lain	2	3

Tahap Pendidikan	Tiada pendidikan formal	22	31
	Pendidikan rendah	19	27
	Pendidikan menengah	17	24
	Pendidikan tinggi	13	18
	Pekerjaan		
Pekerjaan	Nelayan	25	35
	Suri rumah	18	25
	Bekerja sendiri	11	16
	Berkerja di sektor swasta	4	6
	Berniaga	3	4
	Pelajar	2	4
	Lain-lain	8	11
	Pendapatan	RM500 & ke bawah	17
RM501 - RM1,000		25	35
RM1,001 - RM1,500		20	28
RM1,501 - RM2,000		5	7
RM2,001 - RM2,500		2	3
RM2,501 & ke atas		2	3
Bilangan isi rumah	Kurang dari 3 orang	5	7
	4 - 6 orang	27	38
	7 - 9 orang	20	28
	10 - 12 orang	12	17
	13 orang & ke atas	7	10

Tahap Pengetahuan Responden terhadap Isu Penyakit Berjangkit, Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan responden yang dikaji tentang isu penyakit berjangkit, COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Secara keseluruhannya, rata-rata penduduk di Kampung Kasuapan mengetahui tentang penyakit berjangkit, pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tinjauan mendapati bahawa majoriti responden iaitu sebanyak 62.0 peratus (44 orang) mengetahui tentang kewujudan penyakit berjangkit secara umum, namun kewujudan penyakit berjangkit di Kampung Kasuapan sendiri mencatatkan bahawa kebanyakan responden iaitu sebanyak 64.8 peratus (46 orang) tidak mengetahui tentang kewujudan penyakit berjangkit yang pernah dihidap oleh penduduk di pulau ini. Terdapat 35.2 peratus responden yang memberi pendapat bahawa penyakit berjangkit yang pernah dihidapi oleh penduduk pulau sebelum pandemik COVID-19 ialah batuk kering, cacar, demam, denggi kolera, H1N1 dan malaria. Pengetahuan responden berkenaan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merekodkan nilai paling tinggi iaitu sebanyak 98.6 peratus (70 orang). Pengetahuan tentang COVID-19 itu termasuklah tentang penularan wabak serta kesan yang dihadapi oleh mereka yang menghidapnya manakala PKP pula rata-rata mengetahui tentang kawalan pergerakan (perlu duduk di rumah), aktiviti yang tidak dibenarkan untuk dilakukan dan langkah penguatkuasaan perintah itu di pulau berkenaan (Jadual 3). Hal ini banyak dibantu oleh hebahan melalui pelbagai media seperti laporan rasmi tetap harian di televisyen dan radio serta sumber media sosial yang boleh diakses secara mudah melalui telefon bimbit masing-masing. Keberkesanan ini telah dibuktikan oleh kajian yang dilaksanakan oleh Siti dan Fatimah (2020) yang mendapati bahawa situasi pada masa ini telah melayakkan penggunaan meluas teknologi digital dalam kalangan masyarakat sehingga mampu merencanakan aktiviti urus niaga di antara peniaga dan pengguna masing-masing. Ini menunjukkan bahawa komunikasi digital, media sosial dan telefon bimbit sangat memainkan peranan penting dalam menjalani kehidupan seharian semasa berlakunya pandemik ini. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden boleh dikelaskan berada pada tahap 'satu' dan

tahap ‘dua’ berdasarkan pengkelasan yang dilakukan oleh Renzuli dan Reis (1993) iaitu tahap ‘menyedari tentang sesuatu’ dan tahap ‘mengetahui tentang sesuatu’.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Responden tentang Penyakit Berjangkit, COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pernyataan	Ya		Tidak	
	Bil.	%	Bil.	%
Mengetahui tentang kewujudan sesuatu penyakit berjangkit yang merebak secara meluas.	44	62.0	27	38.0
Mengetahui tentang penyakit berjangkit yang pernah dihidap oleh penduduk, pulau ini (sebelum COVID-19).	25	35.2	46	64.8
Mengetahui tentang penularan wabak penyakit COVID-19.	70	98.6	1	1.4
Mengetahui tentang kesan penularan wabak penyakit COVID-19.	70	98.6	1	1.4
Mengetahui tentang perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	70	98.6	1	1.4
Mengetahui tentang kawalan pergerakan penduduk pulau (perlu duduk di rumah) sepanjang PKP.	70	98.6	1	1.4
Mengetahui tentang aktiviti yang tidak dibenarkan sepanjang PKP.	70	98.6	1	1.4
Mengetahui tentang langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan di pulau sepanjang PKP.	70	98.6	1	1.4

Aspek Ketersediaan Komuniti Pulau dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Bahagian ini meneliti tentang ketersediaan komuniti pulau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya. Terdapat lapan pernyataan yang dikaji (Jadual 4). Jawapan responden adalah berdasarkan skala likert lima mata iaitu tidak setuju (1), kurang setuju (2), sederhana (3), setuju (4), dan sangat setuju (5). Kesemua skala likert ini dirujuk kepada tafsiran skor min yang dikemukakan oleh Alias (1999) iaitu SR ‘sangat rendah’ (1.00 - 1.80), R ‘rendah’ (1.81 - 2.60), S ‘sederhana’ (2.61 - 3.40), T ‘tinggi’ (3.41 - 4.20), ST ‘sangat tinggi’ (4.21 - 5.00).

Jadual 4: Aspek Ketersediaan Responden dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

Pernyataan	Skala									
	Tidak Setuju		Kurang Setuju		Sederhana		Setuju		Sangat Setuju	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bersedia dari segi fizikal semasa pelaksanaan PKP.	5	7.0	8	11.3	10	14.1	26	36.6	22	31.0
Bersedia memastikan bekalan ubat dan rawatan kesihatan mencukupi semasa pelaksanaan PKP.	5	7.0	8	11.3	14	19.7	24	33.8	20	28.2
Bersedia dari segi simpanan kewangan semasa pelaksanaan PKP.	11	15.5	13	18.3	12	16.9	16	22.5	19	26.8
Bersedia untuk tidak melakukan aktiviti ekonomi semasa pelaksanaan PKP.	7	9.9	12	16.9	11	15.5	23	32.4	18	25.4
Bersedia membuat simpanan barang keperluan asas semasa pelaksanaan PKP.	3	4.2	7	9.9	11	15.5	25	35.2	25	35.2
Bersedia menghadkan aktiviti sosial dengan komuniti pulau semasa pelaksanaan PKP.	3	4.2	2	2.8	5	7.0	20	28.2	41	57.7
Bersedia memastikan kerja persekolahan anak-anak dari rumah sentiasa berjalan lancar semasa pelaksanaan PKP.	4	5.6	3	4.2	16	22.5	18	25.4	30	42.3
Bersedia untuk sentiasa duduk di rumah semasa pelaksanaan PKP.	3	4.2	2	2.8	7	9.9	16	22.5	43	60.6

Jadual 5 menunjukkan aspek ketersediaan responden sebagai komuniti pulau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diukur menggunakan analisis tafsiran skor min. Tahap ketersediaan sebagai komuniti pulau dalam tempoh kawalan pergerakan yang mencatatkan min tertinggi adalah menghadkan aktiviti sosial dengan komuniti pulau semasa pelaksanaan PKP dan bersedia untuk duduk di rumah semasa pelaksanaan PKP. Kedua-dua pernyataan ini mencatatkan nilai skor min yang sama iaitu sebanyak 4.32 yang mewakili tahap 'sangat tinggi'. Hal ini menunjukkan majoriti responden sangat bersetuju bahawa mereka sangat bersedia untuk tidak bergaul dengan jiran serta tetap duduk di rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Terdapat lima aspek ketersediaan sebagai komuniti pulau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang merekodkan min dengan skor skala 'tinggi', iaitu bersedia memastikan persekolahan anak-anak dari rumah sentiasa berjalan lancar semasa pelaksanaan PKP (3.94), bersedia membuat simpanan barang keperluan asas semasa pelaksanaan PKP (3.87), bersedia dari segi fizikal semasa pelaksanaan PKP (3.73), bersedia memastikan bekalan ubat dan rawatan kesihatan mencukupi semasa pelaksanaan PKP (3.65) dan bersedia untuk tidak melakukan aktiviti ekonomi semasa pelaksanaan PKP (3.46).

Seterusnya, untuk skor min 'sederhana' hanya melibatkan ketersediaan komuniti dari segi simpanan kewangan semasa pelaksanaan PKP. Hal ini kerana kebanyakan penduduk terdiri daripada golongan B40 yang mempunyai pendapatan yang hanya mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian isi rumah. Ini diburukkan lagi dengan kebanyakan daripada responden hanya dibayar gaji separuh daripada jumlah gaji yang kebiasaannya diterima bahkan ada di antaranya diberhentikan kerja disebabkan penularan wabak ini.

Pandemik COVID-19 mendorong tercetusnya implikasi buruk terhadap semua aspek kehidupan komuniti, baik secara langsung atau tidak langsung iaitu bermula apabila ramai yang mula jatuh sakit, kemudian dikenakan sekatan sosial oleh pemerintah sehingga tergendalanya aktiviti ekonomi sekali gus mempengaruhi pendapatan isi rumah dan perniagaan di luar bandar (Philipson et al., 2020). Akibat daripada pengumuman PKP, terdapat banyak laporan di media mengenai kesan PKP terhadap perniagaan berskala kecil yang mula hilang punca pendapatan harian akibat gangguan rantai bekalan ekoran daripada penutupan sektor sokongan, selain kekurangan pekerja dan kekurangan wang simpanan tunai (Kawi, 2020; Saari, 2020).

Katooro (2020) pula berpendapat langkah penutupan dan penyekatan sosial di kebanyakan negara telah memberi ancaman dan impak yang serius ke atas penurunan pendapatan, kehilangan pekerjaan dan insolvensi terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS). Sesi wawancara yang dilakukan oleh International Institute of Rural Reconstruction (2020) ke atas usahawan IKS wanita di luar bandar Afrika mendapati kumpulan usahawan tersebut memberi maklum balas yang sangat buruk, iaitu mereka sangat tertekan kerana produk pasaran yang terhad dan tertutup, penjualan yang sangat rendah, mobiliti terhad, tiada alternatif pendapatan sekali gus menyebabkan kehidupan mereka terjejas sepenuhnya sewaktu pandemik COVID-19 menular di negara berkenaan.

Di India pula, situasi COVID-19 di negara tersebut menghalang aktiviti pertanian dan pemprosesan makanan. Menurut Dev dan Sengupta (2020), arahan sekatan pergerakan dan penutupan daerah dalam semua wilayah mengurangkan permintaan produk bekalan pertanian menyebabkan berlakunya kerugian besar bagi petani di India. Laporan juga mendedahkan operasi penutupan hotel, restoran dan pasaraya mempengaruhi permintaan ke atas pengeluaran susu sehingga penjualan merosot mencecah 80%. Akibatnya hasil pengeluaran pertanian seperti susu dan buah-buahan terpaksa dibuang dan menyebabkan kerugian besar dalam kalangan petani.

Seterusnya, hasil kajian ini turut sejajar dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Lee dan Warner (2006) iaitu kajian terhadap impak wabak penyakit SARS dalam sektor perusahaan sederhana dan kecil, khususnya isu pekerja migran dan pemberhentian pekerja. Terdapat sejumlah besar pekerja migran di sektor perusahaan ini seperti di restoran dan pusat hiburan terpaksa diberhentikan apabila pihak kerajaan mengarahkan penutupan semua perniagaan hiburan yang melibatkan perhimpunan kumpulan awam yang ramai seperti pawagam, teater, kafe internet dan bar karaoke sehingga penularan wabak SARS berjaya dikawal. Impak yang

besar terhadap sektor penyediaan makanan dan perkhidmatan menyebabkan mereka menerima pendapatan yang lebih rendah, malahan ada dalam kalangan mereka tidak dapat pekerjaan lagi (Lee & Warner, 2006). Keadaan ini menyukarkan kebanyakan responden untuk mempunyai simpanan kewangan yang terhad semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Jadual 5: Aspek Ketersediaan Responden sebagai Komuniti Pulau dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (mengikut skor min)

Bil.	Pernyataan Ketersediaan	Min	Tahap
1.	Bersedia menghadkan aktiviti sosial dengan komuniti pulau semasa pelaksanaan PKP.	4.32	ST
2.	Bersedia untuk sentiasa duduk di rumah semasa pelaksanaan PKP.	4.32	ST
3.	Bersedia memastikan kerja persekolahan anak-anak dari rumah sentiasa berjalan lancar semasa pelaksanaan PKP.	3.94	T
4.	Bersedia membuat simpanan barang keperluan asas semasa pelaksanaan PKP.	3.87	T
5.	Bersedia dari segi fizikal semasa pelaksanaan PKP.	3.73	T
6.	Bersedia memastikan bekalan ubat dan rawatan kesihatan mencukupi semasa pelaksanaan PKP.	3.65	T
7.	Bersedia untuk tidak melakukan aktiviti ekonomi semasa pelaksanaan PKP.	3.46	T
8.	Bersedia dari segi simpanan kewangan semasa pelaksanaan PKP.	3.27	S

Hasil kajian terhadap tahap pengetahuan dan ketersediaan komuniti pulau adalah relevan kerana hal ini mempengaruhi kesejahteraan komuniti pulau dalam meneruskan kehidupan harian mereka dengan baik, apatah lagi penularan wabak COVID-19 masih berlaku di negara ini. Secara keseluruhannya, pengetahuan komuniti pulau berkenaan penyakit berjangkit, COVID-19 dan Perintah Kawalan Pegerakan dapat dikelaskan pada tahap yang baik iaitu majoriti berada pada tahap 'menyedari tentang sesuatu' dan tahap 'mengetahui tentang sesuatu'.

Kajian ini mendapati ketersediaan komuniti pulau dari aspek kesihatan (ditafsirkan dari segi kesediaan dari segi fizikal dan bekalan ubat-ubatan) dan sosial (ditunjukkan melalui skor min tinggi untuk menghadkan aktiviti sosial, sentiasa duduk di rumah dan kerja persekolahan anak-anak di rumah terkawal dan lancar) berada pada tahap yang baik. Namun begitu, dari aspek ekonomi (seperti ketersediaan untuk tidak melakukan aktiviti ekonomi dan simpanan kewangan sepanjang tempoh PKP) adalah agak membimbangkan kerana tahap ketersediaan responden secara relatifnya adalah rendah. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), sebanyak 69.7% yang berkerja dalam tempoh kurang daripada setahun hanya mampu bertahan kurang daripada 1 bulan dalam menguruskan simpanan kewangannya. Bagi yang berkerja selama 4 - 10 tahun pula dapat bertahan selama dua bulan dan yang telah berkerja 21 hingga 30 tahun mampu menguruskan kewangan selama empat bulan sewaktu PKP dilaksanakan. Hal ini memberikan kesan kepada ekonomi penduduk. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada sejauh mana komuniti pada hari ini mampu bertahan untuk meneruskan kehidupan seharian mereka dengan

baik dan sejahtera? Ini memandangkan wabak pandemik ini masih terus menular, bahkan sejak akhir-akhir ini, bilangan kes positif mencatatkan peningkatan mendadak terutamanya di negeri Sabah.

Secara umumnya, komuniti di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya didapati terjejas dari segi ekonomi sejak penularan wabak COVID-19. Walaupun ada antara mereka yang masih dibenarkan bekerja atau masih dibayar gaji walaupun tidak bekerja, namun, pendapatan yang diperolehi adalah sebahagian daripada gaji asal yang selalunya diterima. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap perbelanjaan kerana pendapatan isi rumah turut terjejas sedangkan jumlah tanggungan masih sama. Bukan itu sahaja, kelemahan dari segi ketersediaan secara tidak langsung memberi kesan kepada persiapan yang dilakukan oleh komuniti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Jabil et al. (2020) yang mendapati bahawa perbelanjaan seisi keluarga sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini turut meningkat dengan ketara. Harga barang runcit yang tinggi dan kenaikan harga bot penambang menyebabkan perbelanjaan seisi keluarga meningkat. Ditambah pula, arahan PKP yang dikuat kuasa di perairan sekitar pulau menyebabkan kebanyakan ketua isi rumah kehilangan sumber rezeki bagi menampung perbelanjaan dapur dalam tempoh perintah berkurung tersebut.

Risiko wabak adalah kompleks tetapi pembuat dasar perlu responsif dengan menyediakan beberapa mekanisme untuk menanganinya. Sesetengah alat atau mekanisme yang digunakan adalah untuk mengurangkan penebaran wabak berkenaan. Inisiatif lain adalah mengurangkan impak kesihatan daripada penularan wabak yang tidak boleh dibendung. Manakala, strategi seterusnya adalah untuk mengurangkan impak ekonomi. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah melaksanakan inisiatif dengan memberikan bantuan dari segi kewangan dan bekalan makanan kepada rakyat. Dari segi bantuan kewangan, kerajaan telah menghulurkan bantuan melalui Bantuan Prihatin Nasional (BPN). Bantuan Prihatin Nasional adalah salah satu bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Jabatan Perdana Menteri, 2020). Bantuan ini diberikan kepada penduduk mengikut kadar tertentu bergantung kepada status sosial mereka. Bantuan disalurkan kepada rakyat secara berperingkat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Sehingga November 2020, Bantuan Prihatin Nasional telah disalurkan sebanyak dua kali kepada rakyat di negara ini. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin berkata bahawa BPN 2.0 adalah salah satu bantuan tambahan yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan B40 dan M40 untuk meringankan beban rakyat akibat kesan pandemik COVID-19 (LHDN, 2020). Bantuan makanan yang disalurkan kepada rakyat kebiasaannya berupa keperluan asas harian seperti beras, gula, tepung, minyak dan sebagainya. Namun, bantuan ini diberi secara 'one-off'. Pada masa yang sama, pihak kerajaan perlu meningkatkan lagi kempen jimat berbelanja dan amalan menabung dalam kalangan rakyat. Hal ini penting bagi memastikan rakyat sentiasa bersedia sekiranya berlaku perkara luar jangka seperti ini, Namun begitu, amalan menabung haruslah diterapkan dalam diri setiap individu di negara ini supaya sekiranya berlaku keadaan sebegini, setiap individu tidak terlalu terkesan kerana sudah mempunyai wang simpanan untuk menampung perbelanjaan keperluan harian.

Seterusnya, langkah membina sistem kesihatan yang kukuh dengan sokongan nutrisi yang lengkap boleh membantu untuk memastikan tahap kesihatan asas yang baik sekali gus membolehkan penduduk lebih sihat untuk mengelakkan jangkitan wabak. Selain itu, langkah dalam memperkukuhkan sistem kemudahan asas, perkhidmatan dan infrastruktur menjadi lebih mudah dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Walau

bagaimanapun, polisi kerajaan boleh melindungi dalam perbelanjaan prasarana ini meskipun bajet adalah terhad yang dijangka masih mampu menyelamatkan pembangunan ekonomi daripada kesan kejutan wabak pandemik yang secara signifikannya menjejaskan modal insan dan merencatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (David & Canning, 2018).

Kesimpulan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia adalah suatu inisiatif ‘perintah berkurung’ yang bertujuan untuk memutuskan rantai penularan virus COVID-19 di negara ini. Arahan ini ternyata memberikan impak yang signifikan terhadap kesejahteraan komuniti baik dari segi kesihatan, ekonomi mahupun sosial, apatah lagi tempoh pelaksanaannya yang agak panjang. Di Sabah, komuniti pulau adalah antara kumpulan penduduk yang turut terkesan, semestelahan ciri pulau yang umumnya bersaiz kecil, bilangan penduduk yang sedikit, struktur sosioekonomi dan sumber asas yang terhad, kurang membangun, kemudahan prasarana yang terbatas dan ada di antaranya yang terletak di lokasi yang agak terpencil. Antara limitasi kajian ini adalah ia dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), justeru keterhadan dari segi pergerakan pengkaji di lapangan yang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepenuhnya. Selain itu, kajian tahap pengetahuan dan aspek ketersediaan ini dijalankan pada 10 hingga 13 September 2020. Oleh itu, tahap pengetahuan dan ketersediaan penduduk dijangka akan meningkat pada masa akan datang selepas kajian ini dijalankan. Untuk kajian pada masa depan, isu yang menarik untuk dikaji adalah impak pelaksanaan PKP dan pandemik COVID-19 terhadap aspek kesihatan, ekonomi dan sosial penduduk pulau secara lebih khusus dan terperinci. Sebagai rumusannya, hasil kajian ini bermanfaat untuk perancangan dalam pengurusan risiko dalam menangani pandemik di Sabah khususnya dan Malaysia keseluruhannya.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

Rujukan

- Adib, P. & Dawn, C. (7 Jun 2020). CMCO to end, replaced with RMCO until Aug 31 [NSTTV]. <https://www.nst.com.my>. Diakses pada 8 November 2020.
- Alen Kee. (2020). *First sporadic Covid-19 Case in Sabah*. <https://www.theborneopost.com/2020/03/12/sabah-records-first-covid-19-case-in-tawau/>. Diakses pada 7 November 2020.
- Arumugam, T. (12 Mac 2020). First sporadic Covid-19 case in Malaysia. Diakses daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/573951/first-sporadic-covid-19-casemalaysia>. Diakses pada 7 November 2020.
- Azman, F. (4 April 2020). Adakah peniaga IKS Malaysia bersedia memasuki ekonomi digital? *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakah-peniaga-iks-malaysia-ber-sedia-memasuki-ekonomi-digital-236786>. Diakses pada 14 November 2020.
- Azyyati Ahmad (18 Mac 2020). *Perintah kawalan pergerakan digazet hukuman 6 bulan penjara tambahan sektor penting*. <https://www.astroawani.com>. Diakses pada 11 November 2020.
- Badariah Ab Rahman, Rosazman Hussin, Jabil Mapjabil, Ayesah Uy Abubakar, Nor-Ina Kanyo, Dzurizah Ibrahim, Rizal Othman & Siti Mariam Gulam. (2020). Tinjauan literatur

- Penyakit berjangkit dan kesan penularan COVID19 kepada golongan B40. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 37-49.
- Bambang Mudjiyanto. (2018). Tipe penelitian eksploratif komunikasi. *Jurnal Studi Komunikasi dan Media*, 22(1).
- Bernamea. (2020). *COVID-19*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid19.php. Diakses pada 8 November 2020.
- Chinazzi, M., Davis, J. T., Ajelli, M., Gioannini, C., Litvinova, M., Merler, S. & Viboud, C. (2020). The effect of travel restrictions on the spread of the 2019 novel coronavirus (COVID-19) outbreak. *Science*, 368(6489), 395-400.
- David, E. B. & Canning, D. (2018). *Epidemics and economics. Program on the Global Demography of Aging. Working Paper Series*. Harvard School of Public Health. PGDA Working Paper No. 9. <http://www.hsph.harvard.edu/pdga/working.htm>. Diakses pada 30 Mac 2020.
- Dev, S. M. & Sengupta, R. (2020). *COVID-19: Impact on the Indian Economy*. Indira Gandhi Institute of Development Research, Mumbai, India. <http://www.igidr.ac.in/pdf/publication/WP-2020-013.pdf>. Diakses pada 4 November 2020.
- Eikhwan Ali & Mahirah A. Rashid. (2020). *Pandemik COVID-19: Mendepani Impak Psikososial*. Terengganu Strategic & Integrity Institute.
- Emmanuel, S. (10 September 2020). *With RMCO extended to Dec 31, here's a (gentle) reminder of what you can and cannot do*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/09/11/with-rmco-extended-to-dec-31-heres-a-gentle-reminder-of-whatyou-can-and-ca/1902112>. Diakses pada 8 November 2020.
- Harifah Mohd Noor, Jabil Mapjabil, Adilah Md Ramli, Jurry Foo @ Jurry Bt F. Michael, Ubong Imang & Rima Abdul Rahman. (2020). Resilien keusahawanan makanan tradisi sebagai produk pelancongan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang pandemik COVID-19 di Negeri Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 50-62.
- Harhamsah Hairal. (2020). *Persepsi Komuniti terhadap Potensi Penyertaan dalam Program Homestay di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.
- Gaim James Lunkapis, Rosazman Hussin, Colonias Atang, Romzi Ationg & Kursam Ongui. (2020). Potensi Aplikasi Penilaian Impak Sosial Untuk Menilai Dasar Dan Program Kerajaan Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 14-25.
- Ida, L. (2020). *Here's what the new CMCO rule say: No more 10-km rule; Two-passenger rule for taxis and e-hailing*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/202-0/05/05/heres-what-the-new-cmco-rules-say-no-more-10-km-rule-two-passenger-rule-for/1863124>. Diakses pada 10 November 2020.
- Jabatan Perdana Menteri. (2020). *Siaran Media Kementerian Kewangan Malaysia – Bantuan Prihatin Nasional*. www.pmo.gov.my. Diakses pada 12 November 2020.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kajian Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada Perbelanjaan Isi Rumah*. Jabatan Perangkaan Malaysia 2020.
- Jabil Mapjabil, Nor-ina Kanyo, Rosazman Hussin, Badariah Ab. Rahman, Abentin Estim, Datu Razali Datu Eranza, Abdul Hamid Abdul Rahim & Mohd. Halipah Jetendra. (2020). Implikasi perintah kawalan pergerakan kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan komuniti pulau: Suatu tinjauan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 108-120.
- Katooro, P. B. N. (2020). *Opinion: Support rural, women-led entrepreneurs amid the COVID-19 pandemic. Devex: Global Views COVID-19*. <https://www.devex.com/news /opinion->

- support-rural-women-led-entrepreneurs-amid-the-COVID-19-pandemic-9703 -0. Diakses pada 4 November 2020.
- Kawi, M. R. (26 April 2020). *Peniaga kecil sesuaikan diri norma baharu*. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571425/peniaga-kecil-sesuaikan-diri-norma-baharu-metrotv>. Diakses pada 6 November 2020.
- Lee, G.O.M. & Warner, M. (2006). *The impact of SARS on China's human resources: implications for the labour market and level of unemployment in the service sector in Beijing, Guangzhou and Shanghai*. *Working Paper Series*. Judge Business School, University of Cambridge.
- LHDN. (2020). *Semak BPN 2.0 Bantuan Prihatin Nasional (Tutorial)*. <https://www.portalmalaysia.com/bpn-2-0/>. Diakses pada 11 November 2020.
- Malaysian Government. (2020). *Kenyataan Akhbar KPK 13 April 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. Diakses daripada <https://kpkkesihatan.com/2020/04/14/kenyataan-akhbar-kpk-14-april-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>. Diakses pada 8 November 2020.
- Mohd Azizan Mohd Daud & Zaimah Ramli. (2020). *Impak COVID-19 terhadap Pertumbuhan Penduduk Malaysia*. *Demografi dan Pembangunan Modal Insan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- My Prime Minister Portal. (16 Mac 2020). *Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19*. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020/>. Diakses pada 9 November 2020.
- Nor-Ina Kanyo, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Suhailah Abdul Muin, Jashmaira Kipli. (2020). Tinjauan strategi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 1-13.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Malaysia: Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Phillipson, J., Gorton, M., Turner, R., Shucksmith, M., Aitken-McDermott, K., Areal, F., Cowie, P., Hubbard, C., Maioli, S., McAreavey, R., Souza-Monteiro, D., Newbery, R., Panzone, L., Rowe, F. & Shortall, S. (2020). *The COVID-19 Pandemic and Its Implications for Rural Economies*. *Sustainability* 2020, 12, 3973. <https://doi.org/10.3390/su12103973>. Diakses pada 8 November 2020.
- Renzuli, J. S. & Reis, S.M. (1993). Developing creative productivity through the enrichment Triad Model. In Isaksen, S. G, Murdock, M.C., Firestein, R. L. & Treffinger, D.J. (eds.) *Nurturing and Developing Creativity: The Emergence of a Discipline*. New Jersey: Ablex Publishing.
- Ruwaida Md Zain. (18 Mac 2020). *Polis Selangor Lancar Ops COVID-19*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556019/polis-selangor-lancar-ops-covid-19>. Diakses pada 9 November 2020.
- Saari, M.Y. (31 Mac 2020). *COVID-19: Malaysia sedang alami perubahan ekonomi total - ini 8 langkah persediaan*. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-malaysia-sedang-alami-perubahan-ekonomi-total-ini-8-langkah-persediaan-236161>. Diakses pada 6 November 2020.
- Siti Aidah Lukin @ Lokin, Jabil Mapjabil, Zuraidah Jamrin, Halina Sendera Mohd. Yakin & Suraya Sintang. (2020). Tinjauan literatur kesan pandemik COVID-19 terhadap kelangsungan keusahawanan kraf tradisional skala kecil dalam pelancongan domestik di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5 (32), October 2020, 62-73.

- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Fatimah Hassan. (2020). Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. *Geografi*, Vol.8(2), 1-20.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A. & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*. 97, 108-116.
- Soo, W. R. (9 April 2020). *No business activities in enhanced MCO zones, says Ismail Sabri*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/09/no-business-activities-in-enhanced-mco-zones-says-ismail-sabri/1855091>. Diakses pada 10 November 2020.
- Sri Kantun. (2017). *Penelitian Evaluatif Sebagai Salah Satu Model Penelitian Dalam Bidang Pendidikan*. Indonesia: Studi Ekonomi FKIP UNEJ.
- Sukmadinata, N.S. (2009). *Metode Penelitian Pendidikan*. Bandung: UPI.
- The Star. (2020). *Special Report - How The Covid-19 lockdown will take its own toll on health*. <https://www.thestar.com.my/news/world/2020/04/03/special-report---how-the-covid-19-lockdown-will-take-its-own-toll-on-health>. Diakses pada 5 November 2020.
- Warta Kerajaan. (2020). Tambahan No. 48, Perundangan (B), *Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988*. No. 6, Jilid 64.
- Wilder-Smith, A. & Freedman, D. O. (2020). Isolation, quarantine, social distancing and community containment: pivotal role for old-style public health measures in the novel coronavirus (2019-nCoV) outbreak. *Journal of Travel Medicine*, 27(2).
- World Health Organization. (2020). *Coronavirus*. <https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab>. Diakses pada 8 November 2020.